

06 APR 2002

CUEPACS GEMBIRA DR MAHATHIR PUAS HATI PRESTASI KAKITANGAN AWAM

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Cuepacs hari ini menyambut baik kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan rasa puas hati dengan prestasi pentadbir dan kakitangan awam di negara ini.

Setiausaha Agung Cuepacs Abdul Rahman Manan berkata kenyataan terbuka Dr Mahathir itu jelas membuktikan bahawa kakitangan awam sentiasa bersama-sama kerajaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan.

"Cuepacs yakin keseluruhan kakitangan awam sentiasa bersama-sama meningkatkan mutu perkhidmatan dan seterusnya membantu memulihkan keadaan ekonomi negara," katanya kepada Bernama.

Semalam ketika berucap pada satu majlis di Langkawi, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan prestasi pihak pentadbir dan kakitangan awam di negara ini sehingga banyak dasar dan rancangan kerajaan berjaya dilaksanakan dengan berkesan.

Selain itu, Cuepacs turut meminta kerajaan menimbang dan meluluskan kajian semula mengenai Sistem Saraan Baru (SSB) yang telah dijalankan oleh jabatan-jabatan awam bersama-sama Cuepacs.

"Jika kerajaan dapat meluluskan kajian semula itu, Cuepacs yakin kakitangan kerajaan bukan sahaja dapat meningkatkan perkhidmatan dan prestasi kerja, malah akan terus menyokong dasar-dasar kerajaan," katanya.

-- BERNAMA

WNZ AZZ MAI